

# Dr. Khir sedia temui pelajar

UM 10 JUL 2001

**P**ETALING JAYA 9 Julai — Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo bersedia menemui dan berbincang dengan mana-mana pelajar yang anti-kerajaan bagi mengelakkan mereka terbabit dengan gerakan tidak sihat.

Dr. Khir berkata, langkah itu merupakan cara terbaik supaya pelajar terbabit, dapat meluahkan masalah mereka, dan kerajaan dapat memberi penjelasan mengenai.

Sambil menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam supaya pelajar universiti yang terbabit dalam gerakan anti-kerajaan disingkir daripada pengajian, Dr Khir berkata, beliau sedih kerana ramai daripada mereka merupakan pelajar Melayu.

“Saya sedih kerana mereka dihantar ke universiti untuk belajar

dan sekiranya mereka menyertai gerakan militan, maka yang akan lahir ialah profesional militan.

“Kalau hendak jadi militan tidak payah masuk universiti,” katanya.

Beliau diminta mengulas laporan pembabit-an pelajar khususnya pelajar Melayu dalam gerakan militan di institusi pengajian tinggi.

Beliau ditemui pada majlis keberangkatan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah menemui atlet Malaysia yang akan menyertai sukan dunia, Persatuan Sukan dan Rekreasi Antarabangsa - ‘Cerebral Palsy’ (CP-IRSA) di bangunan Persatuan Kanak-Kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Dr. Khir berkata, perjumpaan itu juga boleh dijadikan platform bagi memberi gambaran kepada pelajar terbabit mengenai keadaan negara yang bercorak

militan seperti kerajaan Taleban di Afghanistan dan Iran,

Beliau yang juga Pengerusi Biro Agama Pemuda UMNO berkata, pelajar yang didapati aktif dalam gerakan tidak sihat perlu dipulihkan supaya mereka sedar kesalahan masing-masing dan kembali ke pangkal jalan.

## Mencakupi

Dalam pada itu beliau memberitahu, sebanyak 300 remaja lepasan sekolah dari setiap sembilan daerah seluruh negeri akan dikenal pasti sebagai pelatih Institut Latihan Budaya Melayu Baru (ILBMB) yang kini sedang dalam pembinaan.

Beliau berkata, mereka akan dikenal pasti melalui guru dan pemimpin masyarakat daerah masing-masing.

Beliau berkata, peserta terbabit menjalani kursus di institut berkenaan selama tiga atau

empat hari mencakupi pengisian rohani dan sahsiah serta latihan fizikal.

“Selepas tamat kursus, remaja terbabit dikehendaki menjadi ‘ejen sosial’ dengan menyertai masyarakat dalam aktiviti sosial,” katanya.

Dr. Khir berkata, modul kursus ILBMB sedang disediakan dan ia tidak menyerupai kursus yang disediakan oleh Biro Tataneegara pada masa ini.

Pembinaan ILBMB diumumkan pada Konvensyen UMNO Selangor yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Kos pembinaan institut berkenaan yang dibina di tapak seluas 16 hektar di Gombak Selangor, merupakan hasil sumbangan seorang usahawan Melayu bernilai RM5 juta.

Ia dijangka siap sepenuhnya Februari tahun depan.